

04/11/1999

Amey ingin sambung belajar

SALAH seorang penyanyi kumpulan Adinda, Amey Juana Abdul Aziz, 19 (gambar), tidak menolak kemungkinan untuk menjadi penyanyi solo suatu hari nanti.

Tetapi, baginya ia bukan bererti dia dengan anggota lain sudah tidak sehaluan lagi. Tentunya faktor masa dan pengalaman akan membawa perubahan kepada masa depan anggota Adinda termasuk dirinya.

Katanya, seperti kumpulan muzik atau kumpulan padu suara yang lain sebelum ini, ia sangat sukar bertahan lebih 10 tahun dan Adinda juga tidak mustahil mengalami nasib yang sama.

Buat masa ini, hubungannya dengan anggota Adinda sangat rapat dan mereka kerap bersama. Salah seorang anggota itu adalah kakaknya, Azeanawati Abdul Aziz, 21.

"Buat masa ini kami lega kerana nama Adinda sudah mempunyai banyak peminat dan dikenali ramai. Setiap kali buat persembahan, sambutannya cukup baik, termasuk persembahan untuk orang kenamaan.

"Memang sebelum ini, sebelum album sulung kami dipasarkan, kami agak segan sikit buat persembahan sebab orang tidak kenal. Tetapi saya bersyukur selepas album sulung kami dikeluarkan, ramai yang beri sokongan.

"Saya akui masih ada banyak kelemahan dalam nyanyian. Saya sendiri pun rasa kurang memuaskan dari segi vokal dan gaya persembahan, termasuk cara komunikasi dengan penonton.

"Sebab itu saya sedar jika hendak jadi penyanyi solo suatu hari nanti, kita perlu membuat persiapan secukupnya," katanya.

Mengenai persembahan kumpulannya setakat ini, Amey mengakui gembira kerana pernah membuat persembahan di depan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sempena pelancaran motosikal Modenas Jaguh di Gurun, Kedah beberapa bulan lalu.

"Setakat ini, kenangan manis Adinda buat persembahan ialah untuk Perdana Menteri. Malah sempat bergambar lagi," katanya.

Amey juga menyimpan hasrat untuk menyambung pengajiannya dalam bidang sains komputer suatu hari nanti.

"Saya agak kecewa kerana permohonan untuk memasuki Universiti Teknologi Mara tidak berjaya. Sebelum ini pun saya sudah mengikuti kursus komputer. Tapi saya tetap simpan hasrat untuk sambung belajar suatu hari nanti, lagipun saya masih muda," katanya.

(END)